



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	KATS / SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Jual air 3 sen untuk 1,000 gelen

Kerajaan Singapura kena lebih bersikap terbuka

Malaysia berpendirian harga disemak semula

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura pada kadar 3 sen bagi setiap 1,000 gelen tidak munasabah dan terlalu murah jika dibandingkan dengan harga jualan air mentah di negara lain.

Memberi contoh perbandingan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata penjualan air bagi setiap 1,000 gelen dari China ke Hong Kong ialah RM14.50, China ke Macau (RM6.80), China ke Taiwan (RM5.80) dan Turki ke Cyprus (RM10.37).

Malah, penjualan air mentah di dalam negara, iaitu dari Johor ke Melaka pada kadar 50 sen setiap 1,000 gelen, manakala dari Pahang ke Selangor pada kadar 46 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Sehubungan itu, beliau menegaskan Malaysia berpendirian harga itu perlu disemak semula dan hasrat berkenaan sudah disampaikan kepada Singapura.

"Rundingan Perjanjian Air 1962 antara Malaysia dengan Singapura masih boleh dilaksanakan walaupun republik itu mendakwa semakan harga air tidak dilakukan negara kita yang sepatutnya dibuat pada 1987 dan 2012," katanya menjawab soalan Datuk Seri Dr Santhara Kumar Ramanaidu (PH-Segamat) pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri



Dakwaan Singapura kononnya Malaysia hilang hak semak semula harga penjualan air mentah kerana tidak berbuat demikian pada tempoh ditetapkan tidak tepat.

Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

di Dewan Rakyat, semalam.

Sehubungan itu, Dr Xavier berkata, dakwaan Singapura kononnya Malaysia hilang hak untuk menyemak semula harga penjualan air mentah kerana tidak berbuat demikian pada tempoh yang ditetapkan adalah tidak tepat.

Sebaliknya, jelas beliau, Jabatan Peguam Negara mengesahkan Malaysia masih ada hak berbuat demikian setiap tahun selepas 25 tahun daripada tarikh Perjanjian 1962 ditandatangani.

Katanya, Malaysia selama ini memberikan subsidi kepada Singapura dengan menjual air mentah pada kadar yang amat

Perbandingan Kadar Penjualan Air Mentah

Antara negara (Harga bagi setiap 1,000 gelen)

Negara	Kadar harga
» Malaysia-Singapura	3 sen
» China ke Hong Kong	RM14.50
» China ke Macau	RM6.80
» China ke Taiwan	RM5.80
» Turki ke Cyprus	RM10.37

Dalam negara (Harga bagi setiap 1,000 gelen)

Negeri	Kadar harga
» Pahang-Selangor	46 sen
» Johor-Melaka	50 sen

rendah dan jumlah subsidi itu keseluruhannya sejak 1962 mencecah berbilion ringgit.

Ini tidak termasuk bekalan air mentah percuma diberikan kepada Singapura dari 1927 hingga 1961.

"Sekiranya negara kita membekalkan air mentah kepada rakyat negara ini sahaja, dianggarkan hasil jumlah penjualan air mentah sahaja yang boleh diperolehi adalah sekitar RM3.84 bilion antara 1962 sehingga 2018.

"Kementerian menghormati obligasi Malaysia seperti termaktub dalam Perjanjian 1962. Cuma apa yang ingin saya sampaikan ialah Malaysia sudah berkorban sumber air untuk kepentingan pihak lain," katanya.

Dr Xavier berkata, kenyataan Singapura bahawa atas prinsip 'goodwill' (berniat baik) mereka membekal air terawat lebih daripada jumlah dipersetujui di bawah Perjanjian 1962 dengan harga

sama, iaitu 50 sen bagi setiap 1,000 gelen, juga tidak boleh diterima.

"Singapura menganggap perkara ini sebagai subsidi Kerajaan Singapura kepada Malaysia, sedangkan sebenarnya Malaysia selama ini memberikan subsidi kepada Singapura dengan menjual air mentah pada kadar yang amat rendah," katanya.

Menurutnya, banyak perbelanjaan juga perlu dikeluarkan bagi memastikan Singapura dapat mengestrak 250 juta gelen air mentah sehari dari Sungai Johor. Malah Kementerian sendiri menbelanjakan hampir RM100 juta bagi membina baraj Sungai Johor untuk mengelak kemasukan air masin ke sungai itu.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi menegaskan pelaburan besa kerajaan itu tidak setimpal harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air dijual dan berharap Kerajaan Singapura dapat bersikap terbuka dalam soal berkenaan.

